

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan penurunan harga minyak ke atas ekonomi negara. Apakah strategi negara untuk menampung kekurangan pendapatan akibat dari turunnya harga minyak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah menjaskan permintaan minyak mentah dunia berikutan sekatan perjalanan serta penutupan perniagaan bagi membendung penularan wabak tersebut. Kekurangan permintaan berserta pengeluaran minyak mentah yang tinggi mengakibatkan masalah kekurangan fasiliti penyimpanan minyak mentah dan seterusnya menjaskan harga minyak mentah Brent sehingga mencatat penurunan ke paras terendah kepada USD17.32 setong pada 21 April 2020. Walau bagaimanapun, pada 27 Julai 2020 harga minyak mentah dunia kembali stabil pada paras USD43.11 setong. Peningkatan harga ini adalah hasil usaha Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan Russia yang bersetuju menghadkan pengeluaran bagi menstabilkan harga minyak di pasaran dunia.

## **NO SOALAN : 50**

2. Semasa pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, Kerajaan telah mengumumkan unjuran jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 sebanyak RM244.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil daripada petroleum adalah sebanyak RM50.5 bilion atau 20.6% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan dengan andaian purata harga minyak mentah dunia Brent USD62 setong. Hasil Kerajaan Persekutuan daripada sumber petroleum antaranya adalah melalui cukai pendapatan petroleum, royalti (bayaran tunai) dan dividen PETRONAS.
3. Walau bagaimanapun, harga minyak mentah dunia Brent telah menunjukkan tren penurunan dan purata harga bagi tempoh Januari hingga 28 Julai 2020 adalah sekitar USD41 setong. Bagi setiap penurunan harga minyak mentah sebanyak USD1 setong, secara purata hasil berkaitan petroleum (tidak termasuk terimaan dividen PETRONAS) dijangka berkurang sebanyak RM300 juta.
4. Sehubungan itu, defisit Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 dijangka lebih tinggi berbanding anggaran asal dan Kerajaan akan menampung kekurangan pendapatan melalui sumber hasil *one-off* daripada dividen dan bayaran khas oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), meneroka hasil cukai baharu, penjimatan subsidi minyak dan penstrukturkan serta pengagihan semula perbelanjaan Kerajaan Persekutuan.
5. Dari segi ekonomi pula, sektor perlombongan merangkumi 7.1 peratus daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK), 11 peratus daripada jumlah pelaburan dan 6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport negara pada 2019. Penurunan harga minyak mentah dunia telah menjaskan pendapatan eksport minyak mentah dan gas asli cecair (LNG) sebanyak 25% kepada RM26.9 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2020 berbanding RM35.9 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu. Walau bagaimanapun, kepelbagaian struktur ekonomi serta perdagangan dari segi destinasi dan produk telah membantu mengurangkan kebergantungan kepada sektor komoditi dan meningkatkan daya tahan ekonomi negara.

## **NO SOALAN : 50**

6. Kerajaan akan terus menumpukan usaha bagi meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber pertumbuhan, meningkatkan daya saing dan memperkuat kedudukan fiskal negara. Kerajaan juga sentiasa memantau perkembangan global dan melaksanakan langkah-langkah yang sewajarnya dalam memastikan ekonomi negara terus mampan. Kerajaan juga telah bertindak proaktif dengan melaksanakan pelbagai pakej rangsangan ekonomi termasuk pakej Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS+ dan Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) bagi meringankan beban ekonomi rakyat, membantu pemilik perniagaan, meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam serta memulihkan semula ekonomi negara.
7. Bergerak ke hadapan, Kerajaan sentiasa komited untuk memperteguh asas ekonomi negara, memulihkan keyakinan rakyat dan pelabur termasuk memperkuat pengurusan fiskal dan mempelbagaikan sumber pendapatan negara demi memacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang mampan.

Sekian, terima kasih.